KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MINISTRY OF TOURISM, ARTS AND CULTURE)
Aras 1, 4-5,10-15, 17 & 18
No. 2, Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 603-8000 8000
Faks : 603-8891 7100
Portal Rasmi : www.motac.gov.my

MOTAC.600-4/2/12334 ( )
22 JANUARI 2025

Pengarah Urusan
SUSHI TRAVEL SDN. BHD.
d/a AZIZAM BIN AZIZAN
1-30,
JALAN PANDAN PRIMA 2,
DATARAN PANDAN PRIMA
55100, KUALA LUMPUR
WP KUALA LUMPUR

Tuan,

PERMOHONAN LESEN BAHARU: SUSHI TRAVEL SDN. BHD.

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan syarikat tuan telah **DIPERTIMBANGKAN** untuk lesen baharu Perniagaan Pengendalian Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Permohonan Dan Rayuan Lesen seperti berikut:

Lokasi : KAJANG ; SELANGOR

Bidang :

(i) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri
(ii) Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri
(iii) Perniagaan Agensi Pengembaraan

3. Sila ambil maklum bahawa **bagi maksud kelulusan,** syarikat adalah tertakluk kepada pematuhan syarat-syarat seperti di bawah:

3.1 Menyediakan pejabat dalam **tempoh enam bulan** daripada tarikh surat ini mengikut kriteria-kriteria seperti yang berikut:

i. Keperluan keluasan ruang pejabat **(sila rujuk Lampiran A)**;
ii. Struktur pejabat operasi Ibu Pejabat (HQ) adalah berstruktur dan mempunyai alamat tetap;
iii. Operasi syarikat HQ dan Cawangan **tidak berkongsi** dengan apa-apa perniagaan selain yang dilesenkan;

iv. Pejabat operasi syarikat mestilah di kawasan komersil dan bukan di rumah kediaman (tertakluk kepada kelulusan oleh Pihak Berkuasa Tempatan); dan

v. Permohonan pelanjutan tempoh penyediaan permis seperti yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

3.2 Berdaftar sebagai ahli mana-mana persatuan agensi-agensi pelancongan dan pengembaraan yang diiktiraf oleh Pesuruhjaya Pelancongan. Senarai nama persatuan seperti di **Lampiran B**.

3.3 Menghadiri kursus *Travel And Tour Management Course* (TTMC). Sekurang-kurangnya seorang pengurusan tertinggi syarikat **wajib** menghadiri kursus ini. Pihak syarikat dikehendaki berurusan secara terus dengan pihak penganjur. Untuk maklumat lanjut dan Borang Pendaftaran kursus tersebut turut disertakan seperti di **Lampiran C**.

3.4 Mengemukakan dokumen-dokumen seperti yang berikut:

i. Salinan perjanjian penyewaan lokasi pejabat syarikat hendaklah sekurang-kurangnya untuk tempoh satu tahun atau salinan *'Sales and Purchase*' (S&P) jika premis adalah milik syarikat;

ii. Lakaran pelan lantai pejabat;

iii. Gambar-gambar bahagian dalam dan luar pejabat; dan

iv. Sijil keahlian persatuan pelancongan atau resit pembayaran (jika sedang diproses).

v. Sijil kursus *Travel And Tour Management Course* (TTMC) atau resit pembayaran pendaftaran.

4. Setelah syarat-syarat di perenggan 3 dipatuhi, syarikat tuan hendaklah **memaklumkan tarikh dan waktu** yang sesuai bagi tujuan pemeriksaan pejabat kepada:

Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
NEGERI SELANGOR
TINGKAT 15-03, WISMA SUNWAYMAS
JALAN TENGKU AMPUAN ZABEDAH C9/C
SEKSYEN 9
40000, SHAH ALAM
SELANGOR
(u.p.: Unit Pelesenan Pelancongan)

5. Untuk makluman tuan, lesen perniagaan pengendalian pelancongan hanya akan dikeluarkan setelah pemeriksaan premis dilakukan dan diluluskan serta fi lesen sebanyak **RM 950.00 (Ringgit Malaysia: SEMBILAN RATUS LIMA PULUH SAHAJA)** dijelaskan.
Pembayaran secara atas talian boleh dibuat melalui laman sesawang **www.tourlist.gov.my**.

6. Sebagai peringatan, pihak tuan dikehendaki untuk mematuhi perkara-perkara berikut :

6.1 Sila ambil perhatian bahawa kelulusan ini akan **terbatal** sekiranya syarikat tuan gagal menyediakan pejabat dalam tempoh yang ditetapkan. **Surat kelulusan ni juga tidak boleh dianggap sebagai kebenaran untuk tuan memulakan perniagaan sebelum syarat-syarat di perenggan 2, 3, 4 dan 5 dipatuhi**. Tindakan tegas di bawah Seksyen 5(3) Akta Industri pelancongan 1992 boleh diambil sekiranya didapati pihak tuan menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah.

6.2 Perubahan pemegang saham dan ahli lembaga pengarah **hanya dibenarkan selepas dua (2) tahun syarikat dilesenkan oleh Kementerian ini. Walaubagaimanapun, permohonan perubahan ahli lembaga pengarah dan pemegang saham bagi tujuan pertambahan atau pengurangan boleh dipertimbangkan dengan syarat ianya tidak menjejaskan struktur asal kelulusan yang telah diberikan.**

6.3 Lesen *Inbound* / *Outbound* / *Ticketing* (IOT) yang diluluskan ini tidak membolehkan syarikat menjalankan aktiviti perniagaan umrah. Bagi syarikat yang berminat untuk menawarkan pakej umrah, syarikat perlu mengemukakan permohonan tambah bidang Umrah atau Ziarah. Syarikat boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta 482 jika didapati menjalankan aktiviti pelancongan di luar bidang yang dilesenkan. Pesuruhjaya Pelancongan juga berhak untuk membatalkan kelulusan lesen sedia ada jika pihak tuan gagal mematuhi peraturan di atas.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Bahagian Pelesenan Dan Penguatkuasaan Pelancongan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya

s.k. : **Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya**
SELANGOR

LAMPIRAN A

SYARAT KELUASAN PREMIS PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN/PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN

KELULUSAN PERMOHONAN	KAWASAN BANDAR (MAJLIS BANDARAYA & MAJLIS PERBANDARAN)	KAWASAN LUAR BANDAR (MAJLIS DAERAH)	PENGECUALIAN KELUASAN PREMIS (TIADA HAD KELUASAN MINIMA)
	KELUASAN MINIMA (KPS)		
Lesen Induk (Ibu Pejabat)	Keluasan minima premis 100 kaki persegi		-
Lesen Tambahan (Pejabat Cawagan)	Keluasan minima premis 50 kaki persegi.		(1) *Ticket/tour Counter* di lapangan terbang, jeti pelancongan dan terminal bas (2) *Tour Desk* di Lobi hotel (3) *Kios / Booth* di Kompleks Beli-belah

Nota: KPS ialah Kaki Persegi

LAMPIRAN B

SENARAI PERSATUAN AGENSI-AGENSI PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN MALAYSIA YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN

BIL.	PERSATUAN
1.	**MALAYSIA ASSOCIATION OF TOUR & TRAVEL AGENT (MATTA)** Wisma MATTA No. 6, Jalan Metro Pudu 2 Fraser Business Park Off Jalan yew **55100 KUALA LUMPUR** Tel : +60 (03) 9222-1155 (hunting Line) Fax : +60 (03) 9223-8555 Website : www.matta.org.my E-mel : admin@matta.org.my
2.	**BUMIPUTRA TRAVEL AND TOUR AGENTS ASSOCIATION OF MALAYSIA (BUMITRA MALAYSIA)** Unit F-43-3, Tingkat 3 Blok F, Platinum Walk No. 2, Jalan Langkawi Taman Danau Kota 53300 Gombak **WP KUALA LUMPUR** Tel : (603) 4149 9011 / 4149 9055 / 4131 9011 Fax : (603) 4149 8022 Website : www.bumitra.org.my E-mel : bumitra81@gmail.com
3.	**MALAYSIAN INBOUND TOURISM ASSOCIATION (MITA MALAYSIA)** No 69M, Mezzanine Floor Jalan Mamanda 1, Taman Dato Ahmad Razali (Ampang Point Area) 68000 Ampang **SELANGOR** Tel : 03 4251 0351 Fax : 03 4251 0324 Website : www.mitamalaysia.com E-mel : mita@mita.my
4.	**MALAYSIAN CHINESE TOURISM ASSOCIATION (MCTA)** 2 - 3A, Jalan Pandan 2/1 Pandan Jaya **55100 KUALA LUMPUR** Tel : +603 - 9200 5228 / +603 - 9200 9578 Fax : +603 - 9200 3226 Website : www.mcta.com.my E-mel : admin@mcta.com.my

SENARAI PERSATUAN AGENSI-AGENSI PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN MALAYSIA YANG DIIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN PELANCONGAN

BIL.	PERSATUAN
5.	**CAR RENTAL ASSOCIATION OF MALAYSIA (CRAM)** No. 4, Jalan SS13/3E 47500 Subang Jaya **SELANGOR** Tel : 603 - 5631 6488 Fax : 603 - 5635 6466 Moobile : 603 - 5635 6466 Website : www.cramonline.org E-mel : secretary@cramonline.org / president@cramonline.org
6.	**MALAYSIA INDIAN TRAVEL & TOURS ASSOCIATION (MITA)** G-01, Ground Floor, Straits Trading Building No.2, Lebuh Pasar Besar **50050 KUALA LUMPUR** Tel : 603-2691 8866 Fax : 603-2698 2692 Website : www.mita.org.my E-mel : admin@mita.org.my/ president@mitta.org.my
7.	**MALAYSIA SCUBA DIVING ASSOCIATION (MSDA)** Jalan Kuchai Maju 6 Kuchai Business Park **58200 KUALA LUMPUR** Tel : 603-7980 9902 Fax : 603-7980 4902 Website : www.msda.my E-mel : info@msda.my
8.	**PERSATUAN AGENSI PELANCONGAN UMRAH & HAJI (PAPUH)** 25A & 27A, Jalan Pinang E 18/E Section 18 **40200 SHAH ALAM, SELANGOR** Tel : 603-5549 2188 Fax : 603-5549 5233 Website : www.papuh.org E-mel : papuh2020@gmail.com

LAMPIRAN C

KEMENTERIAN PERLANCONGAN SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

PERSATUAN INSTITUT-INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN MALAYSIA
ASSOCIATION OF TOURISM TRAINING INSTITUTES OF MALAYSIA

Travel and Tour Management Course (TTMC)
&
Travel and Enhancement Course (TTEC)

BORANG PENDAFTARAN PESERTA

Sila tanda yang berkenaan:

TTMC ☐ *TTEC ☐

*Pemohon mestilah Syarikat Perniagaan Pengendalian Perlancongan yang berlesen dengan Kementerian Perlancongan Malaysia

TARIKH KURSUS : _____

NO SIRI KURSUS : _____

Maklumat yang diberikan adalah Sulit

A. Maklumat Pemohon

Nama (Huruf Besar)			
No Kad Pengenalan / Pasport		Warganegara	
Alamat Yang Boleh dihubungi			
Paskod		Negeri	
No Tel. Rumah		No Tel. Bimbit	
Tahun pengalaman dalam Bidang Pelancongan			
Kelulusan Akademik			

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN

PERMOHONAN LESEN BAHARU: SUSHI TRAVEL SDN. BHD.PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H) : SUSHI TRAVEL SDN. BHD.

B. Maklumat Syarikat (Tempat pemohon bekerja)

Nama (Huruf Besar)			
No Lesen KPL		Tarikh tamat lesen (untuk TTEC sahaja)	
Bidang Lesen	Inbound / Outbound / Ticketing		
Alamat			
Paskod		Negeri	
No. Telefon		No Faks	
Emel		Website (jika ada)	

C. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan		Tarikh Mula Berkhidmat	
Huraian Kerja			

Pengesahan Majikan : Dengan saya ini mengesahkan bahawa segala maklumat mengenai peserta di atas adalah benar

Nama : ----------

Jawatan : ----------

Tandatangan : ----------

Cop Syarikat :

Tarikh : ----------

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN

PERMOHONAN LESEN BAHARU: SUSHI TRAVEL SDN. BHD.PERMOHONAN LESEN TAMBAHAN (CAWANGAN) PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN DALAM NEGERI (MM2H) : SUSHI TRAVEL SDN. BHD.

PENGESAHAN BAYARAN YURAN KURSUS

Sila tandakan *tick* pada kursus berkaitan :

☐ RM 800.00 / seorang (TTMC) ☐ RM 800.00 / seorang (TTMC)

Pembayaran dibuat melalui :

(Sila tandakan *tick*)

☐ *Bank Draft* ☐ *IBG Account Transfer* ☐ Tunai

****PERINGATAN: PEMBAYARAN MELALUI CEK TIDAK DITERIMA**

Bayaran yuran kursus **(TTMC SAHAJA)** boleh dibuat atas nama:

PERSATUAN INSTITUT - INSTITUT LATIHAN PELANCONGAN MALAYSIA
No akaun: CIMB 8001 4852 14

Bayaran yuran kursus **TTEC** hendaklah dibayar terus kepada **insitusi yang dipilih**.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi **Cik Mahirah / Cik Norsuhana** di alamat berikut:

Association of Tourism Training Institutes of Malaysia
Lot 1-5-1, 5th Floor, Wisma Prima Penisular,
Jalan Setiawangsa 11, Taman Setiawangsa,
54200 Kuala Lumpur
Tel: 03-4265 7000 E-mel: info@attim.org.my

SENARAI SEMAK PERMOHONAN TTMC/TTEC

(Sila lampirkan senarai semak ini ketika manghantar borang pendaftaran)

		Untuk ditanda oleh pemohon	Untuk kegunaan pejabat
1.	Salinan kad Pengenalan / Pasport	☐	☐
2.	Salinan Permit /Pas Pekerja *(Jika bukan warganegara)*	☐	☐
3.	Salinan Surat Kelulusan Sementara Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan (bagi TTMC sahaja)	☐	☐
4.	Salinan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan terkini (bagi TTEC sahaja)	☐	☐
5.	Surat tawaran kerja (Agensi pelancongan / Tempat bekerja sekarang)	☐	☐
6.	Bayaran Yuran Kursus *(Sila lampirkan bukti bayaran - Bank in slip)*	☐	☐

Untuk Kegunaan Pejabat

Dokumen Lengkap ☐ **Borang Permohonan diterima peda** ____ / ____ / ____

Dokumen Tidak Lengkap ☐ *Hari Bulan Tahun*

Catatan :

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER, TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN